



**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA:
PEMBERIGAAN MENGENAI EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan pemberigaan mengenai ekonomi Negara Brunei Darussalam bagi pihak Kementerian Pendidikan pada 26 November 2018 bertempat di *Lecture Theatre, School of Aviation, Institute of Brunei Technical Education (IBTE)*, Brunei Darussalam.

Hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Yang Mulia Dayang Marina Chek binti Bujang, Ketua Bahagian Pendidikan Swasta dan Yang Mulia Awang Ramlee bin Haji Jamudin, Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan di Kementerian Pendidikan. Sesi pemberigaan pada kali ini turut dihadiri oleh 58 orang peserta terdiri daripada Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Bahagian, Penolong-Penolong Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Seperti lazimnya, sesi pemberigaan ini bertujuan untuk mengongsikan mengenai peranan dan tanggungjawab JPKE; memupuk pemahaman mengenai pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam serta tatacara pengumpulan dan penyusunan perangkaan ekonomi; dan menggalakkan penglibatan setiap agensi dalam sama-sama menanai tanggungjawab dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pemberigaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, dan diikuti dengan ucapan pendahuluan yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, Pengarah Perancangan, JPKE. Sesi pemberigaan tersebut diteruskan dengan pembentangan mengenai metodologi pengiraan ukuran ekonomi iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) oleh Yang Mulia Dayang Nurul Huda binti Muhammad Ashraf, Pegawai Perangkaan, JPKE; dan taklimat mengenai perkembangan terkini ekonomi Negara Brunei Darussalam oleh Yang Mulia Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor, Pegawai Ekonomi Kanan, JPKE. Taklimat-taklimat mengenai prestasi dan perkembangan Subsektor Perkhidmatan Pendidikan juga dibentangkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Farizah binti Haji Abdullah, Pegawai Ekonomi Kanan, JPKE; dan Yang Mulia Awang Sofian Erwan bin Mohammad, Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan. Pemberigaan diteruskan dengan sesi soal jawab bagi memberi peluang para hadirin mengemukakan sebarang pertanyaan dan berkongsi pandangan mengenai topik-topik yang telah dibentangkan.

Sesi pemberigaan ini diharap akan dapat menjurus kepada menghasilkan dasar dan strategi untuk meningkatkan produktiviti dan sosio-ekonomi negara dalam Subsektor Perkhidmatan Pendidikan. Ini juga diharap akan dapat memulakan dialog yang lebih kerap di antara JPKE, Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan mengenai kaedah meningkatkan lagi sumbangan Kementerian berkenaan kepada menjana pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang mantap dan berdayatahan.



**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**HEADLINE:
AN OUTREACH EVENT ON BRUNEI DARUSSALAM'S ECONOMY
FOR THE MINISTRY OF EDUCATION**

The Department of Economic Planning and Development (DEPD), Ministry of Finance and Economy (MOFE) conducted an outreach event on Brunei Darussalam's economy for the Ministry of Education (MOE) on 26th November 2018 at the Lecture Theatre, School of Aviation, Institute of Brunei Technical Education (IBTE), Brunei Darussalam.

Present at the event were Yang Mulia Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, Acting Director General of Education, Yang Mulia Dayang Marina Chek binti Bujang, Head of Private Education Section and Yang Mulia Awang Ramlee bin Haji Jamudin, Director of Administration and Services, Ministry of Education (MOE). The outreach event was attended by 58 participants comprising Directors, Heads of Division, Deputy Directors and Senior Officers from MOE and departments under MOE. The event aimed to share the roles and responsibilities of DEPDP; enhance understanding of Brunei Darussalam's economic developments as well as the compilation and organisation of economic statistics; and to encourage each agency to be involved in efforts that contribute towards economic growth.

The proceedings began with opening remarks delivered by Yang Mulia Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee, Acting Director General of Education, MOE and followed by introductory remarks delivered by Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, the Director of Planning of DEPDP. This was followed by a presentation on the methodology for measuring economic performance i.e. Gross Domestic Product (GDP) by Yang Mulia Dayang Nurul Huda binti Muhammad Ashraf, DEPDP Statistics Officer; and a presentation on Brunei Darussalam's recent economic developments by Yang Mulia Dayangku Norhanidah binti Pengiran Haji Masshor, DEPDP Senior Economics Officer. Developments in the Education Services Subsector were then shared by Yang Mulia Dayang Hajah Farizah binti Haji Abdullah, DEPDP Senior Economics Officer and Yang Mulia Awang Sofian Erwan bin Mohammad, Assistant Director of Private Education Section, MOE. Question and answer sessions gave participants the opportunity to pose their questions and share their insights on the topics being discussed.

It is hoped that this event will produce policy and strategy that can boost productivity and socioeconomics in the Education Services Subsector. It is also hoped to initiate regular dialogue between the DEPDP, MOE and key stakeholders on steps to further drive Brunei Darussalam's economic growth amongst relevant ministries.